



**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
YANG BERBAHAGIA PROF DATUK DR  
MOHAMAD KADIM SUAIDI  
SEMPENA  
DIMAJLIS KONVOKESYEN UNIMAS KE-21  
DI  
ARENA GEMILANG, DETAR PUTRA  
6 – 9 NOVEMBER 2017**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam**

**UNIMASku Sayang, Salam Negaraku dan Salam**

**Ibu Pertiwiku.**

**Tuan Yang Terutama Tun Pehin Seri Haji Abdul**

**Taib Mahmud,**

**Canselor Universiti Malaysia Sarawak; dan isteri**

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk**

**Patinggi Hajjah Ragad Kurdi Taib**

1. Terlebih dahulu, kola memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar

Nabi Muhammad S.A.W. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kola dan sekalian hadirin dapat berkumpul dalam Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-21 ini.

2. Kola yang mewakili seluruh warga Universiti Malaysia Sarawak ingin mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Seri Haji Abdul Taib Mahmud selaku Canselor Universiti Malaysia Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Ragad Kurdi Taib ke Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA).

3. Kita sebagai warga UNIMAS memanglah amat bertuah kerana pada hari ini, Tuan Yang Terutama Tun serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan telah sudi bersama kita di Majlis Konvokesyen UNIMAS pada tahun ini. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir ke majlis konvokesyen UNIMAS ke-21, sesungguhnya amatlah bermakna buat seluruh warga Universiti.

4. Kola dan sekalian warga UNIMAS turut sentiasa mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun serta keluarga akan sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan agar Tuan Yang Terutama Tun dapat terus memimpin

UNIMAS serta Negeri Sarawak yang tercinta ke arah kegemilangan yang berterusan.

5. Tuan Yang Terutama Tun, di sini kula ingin memohon limpah perkenan untuk menyampaikan ucapan kepada sidang hadirin yang hadir di majlis hari ini.

**Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr)**

**Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun**

**Datuk Abang Haji Openg**

Ketua Menteri Sarawak, merangkap Pro

Canselor, serta isteri

**Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Dato**

**Hajjah Juma'ani Tuanku Haji Bujang,**

**Yang Berbahagia Datuk Patinggi Tan Sri**

**(Dr) Alfred Jabu Anak Numpang**

Pro Canselor, dan isteri

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato Sri Empiang**

**Jabu**

**Yang Berhormat Tan Sri Hj Mohamad**

**Morshidi bin Ghani**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak,

merangkap Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS

**Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi,**

Pengerusi, Lembaga Pengarah UNIMAS, dan

isteri, **Yang Berbahagia Datin Mariam**

**Dawood**

Naib-Naib Canselor dan Rektor Universiti-  
Universiti Awam dan wakil,  
Timbalan-Timbalan Naib Canselor UNIMAS.  
Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Tuan-Tuan  
dan Puan-Puan,  
Dan para Graduan sekalian.

6. Diucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian hadirin sekalian kerana sudi hadir bagi menyaksikan Majlis Konvokesyen Unimas ke-21 yang juga majlis tahunan gilang gemilang yang amat dinanti nantikan oleh para graduan UNIMAS sekalian. Sesungguhnya kehadiran para hadirin sekalian akan menyerikan lagi majlis ini di samping menyempurnakan majlis istiadat konvokesyen kali ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati  
sekalian,**

7. Pada hari ini kita akan meraikan kejayaan **3,676**  
**graduan pra-siswazah** dan **444 graduan**  
**siswazah** di mana **68** adalah merupakan pelajar  
**PhD** sementara **376** merupakan pelajar **Master**.

8. Secara peribadi saya begitu yakin kesemua  
graduan dan ahli keluarga mereka turut  
berkongsi kegembiraan dengan kejayaan yang  
dikecapi ini dan semestinya teruja untuk melakar  
lebih banyak kejayaan dalam bidang kerjaya yang  
akan diceburi selepas ini. Penat lelah yang dirasai  
selama 3 dan 4 tahun pengajian di Unimas  
akhirnya terbalas dengan kejayaan dengan



menggenggam segolong ijazah sebagai bukti kesungguhan dan pengorbanan dalam mengejar ilmu pengetahuan di negeri Sarawak yang kita cintai ini.

9. Setinggi tinggi tahniah sekali lagi kita ucapkan kepada mereka yang berjaya kerana anda akan secara rasminya menjadi sebahagian daripada alumni Unimas selepas menerima ijazah anda sebentar lagi.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

10. Majlis Konvokesyen Unimas kali ke-21 amat bermakna sekali bagi seluruh warga Unimas kerana kita turut meraikan ulang tahun ke-25

penubuhan Universiti Malaysia Sarawak. Sepanjang tempoh 25 tahun penubuhan Unimas, kita telah bersama-sama menyaksikan perkembangan institusi ini.

11. Pada awal penubuhannya, Unimas bertapak dan beroperasi di Bangunan Telekom di Samariang sebelum berpindah ke Kampus Timur dan akhirnya berpindah ke Kampus Tetap pada 2006. Sepanjang tempoh ini juga, kejayaan demi kejayaan telah kita raih dalam bidang akademik, penyelidikan, sukan, budaya dan sebagainya, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa telah dikecapi.

12. Kejayaan ini secara tidak langsung memberi inspirasi kepada semua ahli akademik, kakitangan sokongan dan juga mahasiswa Unimas untuk terus berusaha melakar kejayaan pada masa hadapan.

13. Pada masa yang sama, usaha kita dalam memastikan kebolehpasaran graduan Unimas sentiasa diambil berat kerana ia selari dengan aspirasi kerajaan negeri Sarawak dalam membangunkan modal insan dalam kalangan graduan tempatan yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

14. Dewasa ini kita sedang berdepan dengan era globalisasi dan transformasi digital yang begitu pesat termasuk pelaksanaan digital ekonomi yang merupakan agenda penting bagi Malaysia dan Sarawak khususnya.

15. Kedua-dua pembangunan ini adalah penting dan relevan dalam memacu pembangunan dan perkembangan ekonomi negara kita dan negeri Sarawak khasnya, kerana kita tidak mahu ketinggalan dalam mengejar status sebagai sebuah masyarakat dinamik yang berinformasi, berdaya saing tinggi dan sentiasa peka dengan perubahan semasa.

16. Dalam masa yang sama transformasi digital yang giat dilaungkan dan dilaksanakan oleh kerajaan kita turut bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi tentang teknologi maklumat dan ini semestinya akan menyumbang kepada usaha untuk Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020.

17. Kita turut mendokong cita cita serta usaha kerajaan Sarawak yang mengambil langkah proaktif dengan menggariskan serta memulakan langkah transformasi digital di mana pembangunan serta ekonomi digital akan menjadi teras penjana ekonomi baharu di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri

Sarawak Datuk Patinggi Abang Abang Haji  
Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang  
Haji Openg.

18. Bagi menyokong inisiatif serta usaha proaktif ini, Unimas turut bersiap sedia memainkan peranan penting dengan menjalin hubungan strategik serta berkolaborasi dengan pelbagai pihak yang berkenaan termasuk pemegang taruh demi merealisasikan agenda pembangunan kerajaan negeri Sarawak. Fokus kerjasama dan jalinan strategik yang telah dan akan dilaksanakan oleh Unimas turut meliputi kerjasama dalam penyelidikan, konsultasi dan projek keterlibatan dalam masyarakat yang boleh menyumbang kepada kejayaan dalam

sktor ekonomi digital dan seterusnya mampu bersaing dalam Revolusi Industri 4.0.

19. Kita juga perlu sedar bahawa era ledakan teknologi dan informasi dewasa ini akan memberi manfaat serta mengukuh kesejahteraan kepada masyarakat kita yang berada di bandar dan di luar bandar. Perubahan yang positif dalam sistem ekonomi global yang menjurus kepada penggunaan teknologi digital akan memberi kesan mendalam kepada masyarakat antarabangsa termasuklah kita di Malaysia. Dunia kita kini semakin kecil dan para usahawan dewasa ini pun boleh berniaga di alam maya disebabkan oleh pembangunan teknologi Internet yang

menjadi pemangkin kepada ekonomi baharu yang semakin berasaskan kepada pengetahuan e-Dagang atau K-ekonomi yang mampu menjana kekayaan merentasi sempadan geografi dan masa.

### **Graduan yang kasihi sekalian,**

20. Sebentar lagi anda akan mengenggam segulung ijazah, bukti kepada hasil penat lelah anda dalam mengharungi kehidupan sebagai mahasiswa di Unimas. Ini bukan bermakna perjalanan anda telah tamat. Kejayaan ini merupakan titik tolak kepada kejayaan yang lebih besar lagi di masa hadapan. Kini tiba masanya untuk anda menyumbang kepada keluarga dan masyarakat dengan ilmu yang



telah ditimba sepanjang berada di Unimas. Sekiranya berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, Unimas akan sentiasa mengalu-alukan kehadiran anda dengan tangan yang terbuka.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

21. Universiti mempunyai tanggungjawab besar dalam membina dan membangunkan modal insan yang beretika, berkemahiran, bertanggungjawab serta komiten yang tinggi. Saya rasa tanggungjawab dan amalan ini juga seharusnya dikembangkan dalam kehidupan bermasyarakat oleh para graduan sekalian yang menjadi harapan negara kerana graduan

hari ini merupakan penerus kesinambungan kepemimpinan negara pada masa hadapan.

22. Oleh sebab itu, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada bakal graduan sekalian. Semoga kejayaan yang diraih hari ini menjadi asas teguh untuk meneruskan perjalanan hidup ini dengan lebih berkeyakinan. Ingatlah *success is a journey and not a destination. Therefore, it can only be achieved with you wanting to take the first step and persevere through hard work.*

**Dari Limbang pergi ke Lawas**

**Make laut limpas Tamburong**

**Ilmu dicurah sik minta dibalas**

**Buat bekal kerja yang ditanggung**

Sekian .

**Wabillahitaufik walhidayah,**

**wasalamualiakum**

**warrahmatulahhiwabarkatuh.**